

1,396 Anggota KIMMA Putrajaya Ikrar Sokong BN
Bernama
4 Mei, 2013

PUTRAJAYA, 4 Mei (Bernama) -- Sebanyak 1,396 pengundi India Muslim yang merupakan anggota Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) Putrajaya mengikrarkan taat setia untuk terus mengundi calon Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Presiden KIMMA Datuk Syed Ibrahim Kader berkata mereka merupakan pemilih berdaftar di Putrajaya yakin dengan kepimpinan Tengku Adnan selaku penyandang di kerusi itu untuk meneruskan khidmat bagi kegemilangan pusat pentadbiran persekutuan ini.

"KIMMA telah menubuhkan banyak pusat gerakan untuk membantu BN dan dari maklum balas yang diperolehi pihak kami, ramai di antara pengundi (anggota KIMMA) masih setia dengan BN sepertimana ketika ia mula ditubuhkan pada 1976," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan pengundi India Muslim dengan Tengku Adnan di sini Sabtu.

Ketika ditemui pemberita, Tengku Adnan berharap pengundi tidak gentar dengan ugutan sesetengah pihak bahawa akan berlaku huru hara pada hari pengundian esok.

Katanya setiap hari beliau dan penduduk di sini menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan pelbagai perkataan ugutan supaya tidak mengundi.

Beliau telah membuat laporan polis berhubung perkara itu dan anggota keselamatan telah memberi jaminan akan membuat kawalan sewajarnya.

"Kita telah dan akan melakukan solat hajat untuk pohon ketenangan dan keamanan," katanya.

Dalam pada itu, Tengku Adnan turut mengucapkan takziah kepada pencabarnya Naib Presiden PAS Datuk Husam Musa atas kepulangan ke Rahmahtullah ibunya, Salma Haji Idris.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947436>